

## **BAB LAPAN**

### **DAPATAN KAJIAN MENGENAI STRATEGI PENTERJEMAHAN**

#### **8.0 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh untuk memenuhi objektif kajian keempat dan kelima. Objektif keempat kajian adalah untuk menghuraikan bagaimanakah kata kerja bahasa Jepun diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam dua filem animasi Jepun. Manakala objektif kelima kajian adalah untuk mencadangkan padanan kata kerja bahasa Melayu yang sesuai sekiranya berlaku ketidakpadanan makna. Huraian dan rumusan adalah berdasarkan pemerhatian secara menyeluruh kepada kapsyen kata kerja BJ dan padanannya dalam sari kata BM. Contoh-contoh transkripsi kapsyen bahasa sumber dan sari kata bahasa sasaran turut disertakan untuk menjelaskan secara deskriptif dapatan kajian ini.

## **8.1 TERJEMAHAN KAPSYEN KATA KERJA BJ KE SARI KATA BM**

Seksyen ini menjawab soalan kajian keempat dan kelima seperti berikut:

**Soalan kajian keempat adalah bagaimanakah kata kerja bahasa Jepun diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam dua filem animasi Jepun?**

Manakala,

**Dan soalan kajian kelima adalah apakah cadangan padanan kata kerja bahasa Melayu yang sesuai sekiranya berlaku ketidakpadanan makna?**

Secara amnya, terdapat tujuh strategi penterjemahan yang telah pengkaji kenal pasti dalam analisis penterjemahan kapsyen BJ kepada sari kata BM dalam dua filem animasi Jepun kajian ini. Strategi-strategi ini berpandukan 10 strategi yang dikemukakan oleh Gottlieb (1992) dan konsep Padanan Dinamis oleh Nida (1964). Tujuh strategi yang dikenal pasti oleh pengkaji hasil daripada analisis data adalah seperti berikut:

- a) Pemindahan
- b) Generalisasi
- c) Pemecahan/Pemotongan
- d) Pengembangan/Penambahan
- e) Ringkasan
- f) Peniruan
- g) Pengguguran

Ketujuh-tujuh strategi ini dibincangkan satu demi satu dalam seksyen-seksyen berikut;

### 8.1.1 Strategi Pemindahan

Strategi pemindahan dalam konteks kajian ini adalah apabila kata kerja teks sumber diterjemah secara menyeluruh dengan ungkapan yang penuh. Strategi ini juga menunjukkan kekerapan penggunaan yang tertinggi. Walau bagaimanapun, tidak semua pemindahan ini merupakan pemindahan padanan satu lawan satu, sebaliknya menggunakan tiga kaedah seperti contoh-contoh berikut:

#### 8.1.1.1 Padanan satu lawan satu

##### Contoh 1

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-34	<i>Ochitsuku saki ga kimattara sugu tegami <b>kaku</b> no yo.</i> 落ち着くさきが決まったらすぐ 手紙書くのよ (Sekiranya tempat tinggal sudah tetap, segera tulis surat ye)	Setelah kamu selesaikan ke dalam, <b>tulis</b> dengan segera
F1-50	<i>Un...umi no <b>mieru</b> toko sagasu tsumori.</i> うん。。海の見えるところ探すつもり (Bercadang mencari tempat yang boleh kelihatan laut)	Ya, saya <b>dapat lihat</b> laut itu
F1-428	<i>Minna ni <b>shoukai</b> suru kara</i> みんなに紹介するから (Saya akan perkenalkan pada semua)	Saya <b>akan memperkenalkan</b> kamu kepada setiap orang
F2-33	<i>Shokuin shitsu ni wa <b>ikitounai</b>.</i> 職員室には行きとらない。 (Saya tak kan pergi ke pejabat)	Saya <b>tak nak pergi</b> ke pejabat cikgu itu
F2-258	<i>Renraku nashi ni <b>kuru</b> kara <b>bikkuri shita</b> yo.</i> 連絡なしに来るからびっくりしたよ (Datang tanpa memberitahu dahulu, terperanjatlah)	Kamu <b>terperanjat</b> saya dengan <b>datang</b> tanpa beritahu
F2-380	<i>Aka to shihiro dotchi <b>kau</b> no</i> 赤と白どっち買うの (Merah atau putih, mana satu nak beli ni..)	Yang manakah kamu <b>nak beli</b> ? Putih atau merah?

Penyari kata boleh mendapatkan makna perkataan dengan hanya merujuk kepada kamus dwibahasa tanpa mengambil kira faktor-faktor lain seperti contoh-contoh yang dipetik daripada kapsyen BJ dan sari kata BM seperti dalam **Contoh 1** berikut:

<i>kaku</i> 書く	→	tulis	<i>ikitounai</i> 行きたくない	→	tak nak pergi
<i>mieru</i> 見える	→	dapat lihat	<i>kuru/</i> <i>bikkuri shita</i> 来る/ びっくりした	→	datang/ terperanjat
<i>shoukai suru</i> 紹介する	→	akan memperkenalkan	<i>kau</i> 買う	→	nak beli

### 8.1.1.2 Padanan dengan perkataan sinonimi

#### Contoh 2

	Kapsyen bahasa Jepun	Sari kata bahasa Melayu
F1-25	<i>Konya Kiki ga tatsu koto ni narimashite.</i> 今夜ききが発つことになりまして (Malam ni Kiki akan bertolak)	Malam ini, Kiki akan <b>pergi</b>
F1-188	<i>Watashi unto hataraku ne!</i> 私うんと働くね! (Saya akan bekerja kuat)	Saya akan <b>bertugas</b> dengan rajinnya
F1-340	<i>Majo san ni orei o owatashi shite</i> 魔女さんにお礼をお渡して。 (Saya nak bagi upah pada ahli sihir)	<b>Bayar</b> ahli sihir untuk masalah dia
F2-106	<i>Katei no jijou rikon shita ga kana.</i> 家庭の事情離婚したがかな (Masalah rumahtangga..dah bercerai agaknya)	Masalah di rumah? Saya dapati kalau ibu-bapa dia telah <b>berpisah</b>
F2-119	<i>Denwa suru baa no koto mo nai kendo.</i> 電話するばあのこともないけど (Tidak pernah telefon pun..)	Saya tak fikirkan ia adalah mustahil untuk <b>hubung</b> kamu, tetapi..

F2-285	<i>Ko-ku hai tsukutte</i> コークはい作って (Sediakan coke untuk saya)	Sediakan 'kokuhai' untuk saya.
--------	---	--------------------------------

---

Penyari kata memilih makna perkataan daripada kalangan makna yang bersinonimi berdasarkan konteks dan kesesuaian ayat seperti dalam **Contoh 2**. Perkataan dalam kurungan ialah makna sebenar perkataan tersebut :

<i>tatsu</i> 発つ	→ pergi (bertolak)	<i>rikon shita</i> 離婚した	→ berpisah (bercerai)
<i>hataraku</i> 働く	→ bertugas (bekerja)	<i>denwa suru</i> 電話する	→ hubungi (menelefon)
<i>owatashi shite</i> お渡しして.	→ bayar (serahkan)	<i>tsukutte</i> 作って	→ sediakan (buat)

### 8.1.1.3 Padanan dengan kelas kata yang berlainan.

#### Contoh 3

	Kapsyen bahasa Jepun	Sari kata bahasa Melayu
F1-196	<i>Okane tariru?</i> お金足りる? (Duit cukup?)	Adakah kamu mempunyai wang yang <b>cukup</b> nya?
F1-374	<i>Isoide.</i> 急いで (Cepat sikit)	<b>segera</b>
F1-391	<i>Dakara iranai tte itta no yo.</i> だから要らないっていったのよ。 (Itu sebab saya kata tak mahu)	Saya beritahu dia saya <b>tak nak</b> apa-apa lagi.
F2-194	<i>Okozukai amatteru kara,</i> おこずかい余ってるから、 (Sebab duit belanja berlebihan)	Dia mempunyai wang yang <b>lebih</b> lagi
F2-213	<i>Hawai de kane otoshitaki kashite kure iichottan wa</i> ハワイで金落としたき貸し手 くれ言いちよったんわ (Dia kata duitnya hilang di Hawaii, jadi dia minta pinjamkan duit)	Tipuan itu dia <b>hilang</b> wang dia di Hawaii tetapi..

<p>F2-252 <i>Jaa, Mutou ga ittara <b>yorokobu</b> jaro.</i>          じゃあ、武藤が行ったら<b>喜ぶ</b>          じゃろ          (Jadi, kalau Mutou yang pergi, awak          tentu suka )</p>	<p>Seterusnya kalau kamu pergi temu          dia, dia mesti <b>sangat gembira</b></p>
---	---

---

Dalam contoh di atas, penyari kata memilih padanan bukan daripada kelas kata kerja yang sama. Hal ini bertujuan mengekalkan makna teks. Kelas kata dalam kurungan merupakan kelas kata padanan yang diberi kepada kata kerja dalam **Contoh 3**:

<p><i>tariru</i>            →    cukup          たりる            (kata tugas)</p>	<p><i>amatteru</i>        →    lebih          余ってる        (kata tugas)</p>
<p><i>isoide</i>            →    segera          急いで            (adjektif)</p>	<p><i>otoshitaki</i>      →    hilang          落としたき      (adjektif)</p>
<p><i>iranai</i>            →    tak nak          いらない        (kata tugas)</p>	<p><i>yorokobu</i>        →    sangat gembira          喜ぶ              (adjektif)</p>

Apabila kita memindahkan maklumat daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain, aspek makna hendaklah dikekalkan dan bukannya bentuk maklumat itu. Hanya dalam kes-kes terkecuali sahaja soal bentuk diutamakan. Misalnya dalam menterjemah puisi. Dalam tiap-tiap bahasa, peraturan yang menghubungkan antara isi dan bentuk adalah amat rumit, sewenang-wenangnya dan berubah-ubah, seperti apabila kita menyusun baju ke dalam dua beg pakaian yang berlainan; baju-baju itu tetap sama, tetapi bentuk beg itu boleh berubah-ubah. Oleh yang demikian, cara bagaimana melipat dan menyusun baju-baju itu juga mestilah berbeza-beza. Sekiranya secara kebetulan, isi yang sama dapat diterjemahkan ke dalam bentuk-bentuk yang serupa, maka hal itu sangatlah baik. Kalau boleh, bentuk hendaklah dikekalkan semasa menterjemah sesuatu kata. Namun biasanya bentuk terpaksa diubah suai demi mengekalkan isi.

## 8.1.2 Generalisasi

Strategi penterjemahan **generalisasi** yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kata kerja bahasa Jepun yang mempunyai variasi penggunaan mengikut faktor sociolinguistik seperti mengikut situasi, hubungan, status sosial dan faktor umur antara penutur dan pendengar. **Generalisasi** yang dimaksudkan adalah kata kerja- kata kerja tersebut diterjemahkan tanpa mengambil kira faktor sociolinguistik BM. Antara faktor sociolinguistik yang melibatkan kata kerja BJ adalah seperti diterangkan pada seksyen berikut:

### 8.1.2.1 Gaya Pertuturan

Gaya pertuturan yang formal/tidak formal amat dititikberatkan dalam bahasa Jepun. Gaya pertuturan bergantung kepada perhubungan antara penutur, pendengar dan orang yang menjadi topik perbualan dan situasi sesuatu pertuturan itu berlangsung. Oleh kerana terdapat perbezaan yang rumit dalam perhubungan antara penutur, pendengar dan orang yang menjadi topik perbualan, maka penting bagi penutur menggunakan ungkapan (kata kerja) yang sesuai dalam sesuatu situasi itu seperti yang dapat kita lihat dalam contoh-contoh berikut:

#### Contoh 4

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-34 a)	<i>Ochitsuku saki ga kimattara sugu tegami <b>kaku</b> no yo.</i> 落ち着くさきが決まったらすぐ 手紙書くのよ (Sekiranya tempat tinggal sudah tetap, segera tulis surat ye)	Setelah kamu selesaikan ke dalam, <b>tulis</b> dengan segera
F2-173 b)	<i>Kane dou suru, koko de <b>watasu</b> ka.</i> 金どうする、ここで渡すか。 (Duit macamana?, Nak saya serahkan di sini?)	Apakah yang kamu nak saya lakukan dengan wang itu? Adakah kamu nak saya <b>beri</b> kepada kamu?

Perkataan *kaku* 書く (4a) dan *watasu* 渡す (4b) merupakan kata kerja bentuk kamus yang membawa maksud **tulis** dan **beri**.

Hubungan antara penutur dan pendengar dalam contoh 4a adalah antara ibu dan anak, dan contoh 4b antara dua rakan sekolah. Ini bermakna hubungan kedua-duanya penutur dan pendengar adalah rapat. Dalam BJ, penggunaan kata kerja dalam bentuk kamus di akhir ayat (*shuushikei* 終止形) merupakan pertuturan dalam **gaya tidak formal** dan penggunaannya hanyalah dalam kalangan ahli keluarga, kawan-kawan rapat atau kepada *inferior* (orang bawahan) ( Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 96-97).

### Contoh 5

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-108 a)	<i>Ohayou gozaimasu. Anou...kono machi ni majou ga imasu ka.</i> お早うございます。あのう・・・ この町に魔女がいますか。 (Selamat pagi, di bandar ini ada ahli sihir tak?)	<b>Ada</b> ahli sihir kah di bandar ini?
F1-209 b)	<i>Massugu tobemasu kara.</i> まっすぐ飛べますから。 (Sebab saya boleh terbang terus)	Saya <b>boleh terbang</b> dengan lurus
F2-49 c)	<i>Minna ga fuman ni omoiyuu to omoimasu.</i> 皆が不満に思いうと 思います。 (Saya rasa kamu semua tidak berpuas hati)	Saya <b>ingat</b> semua pelajar rasa tak puas hati

Sementara itu, ketiga-tiga kata kerja dalam contoh 5 di atas (*imasu* います, *tobemasu*

*飛べます*, *omoimasu* 思います) merupakan kata kerja bentuk *masu* (V ます) . Penggunaan kata kerja dalam bentuk *masu* dalam BJ menggambarkan gaya pertuturan yang **lebih sopan/formal**. Kebiasaannya, kata kerja bentuk ‘masu’ digunakan dikalangan kawan-kawan



rapat dan ahli keluarga, dan juga dengan orang atasan/superior. (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 95)

Dalam contoh 5a, Kiki bertutur dengan seorang lelaki yang lebih tua dan tidak dikenalnya. Begitu juga dengan contoh 5b, Kiki bertutur dengan salah seorang pelanggannya. Sementara untuk contoh 5c, situasi Matsuno bertutur dengan guru di sekolahnya. Ketiga-tiga contoh di atas memerlukan penutur bertutur dengan sopan memandangkan pendengar adalah orang yang lebih tua, pelanggan dan guru yang perlu dihormati.

Selain daripada gaya pertuturan sama ada formal atau tidak formal, terdapat bentuk honorifik yang digunakan untuk menunjukkan orang yang menjadi topik perbualan dan segala hal yang bersangkutan dengan orang tersebut mempunyai status sosial yang lebih tinggi berbanding penutur (Maynard, 1990, hlm. 278). Penggunaan bahasa honorifik ini tidak semestinya menunjukkan hormatnya penutur kepada seseorang, tetapi ia juga digunakan untuk mengiktiraf orang tersebut sebagai orang atasan. Orang yang menjadi topik perbualan boleh juga merupakan pendengar. Biasanya bahasa honorifik digunakan oleh pekedai kepada pelanggannya, juga digunakan pada Maharaja, Pengarah atau Perdana Menteri.

### Contoh 6

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-79 a)	<i>Sono ongaku tomete kudasaranai.</i> その音楽止めてくださらない。 (Boleh tolong berhentikan bunyi muzik itu)	<b>Sila tutup</b> muzik itu.
F1-132 b)	<i>Donata ka hogosha no kata wa irassharanai no desu ka</i> どなたか保護者の方はいらっし やらないのですか。 (Tiada sesiapa penjaga kamu yang	<b>Ada</b> sesiapakah sebagai penjaga kamu?

ada bersama)

F2-44	c)	<i>Fukei no minasan ya rippa na dentou o sasaete kite kudasatta</i> 父兄のみなさんやりっぱな伝統 を支えてきてくださった。 (Dengan disokong oleh tradisi yang bagus daripada ibubapa kamu)	Penjaga kamu semua serta tradisi baik sekolah <b>telah menyokong</b>
-------	----	---	---

---

Didapati ketiga-tiga contoh 6a, 6b dan 6c di atas menggunakan **kata kerja bentuk honorifik**. Contoh 6a merupakan pertuturan *Majo1* (ahli sihir) kepada Kiki. Oleh kerana mereka tidak mengenali antara satu sama lain, maka *Majo1* telah menggunakan kata kerja bentuk honorifik *止めてくださらない tomete kudasaranai* sebagai tanda ia menghormati Kiki. Lagi pun *Majo 1* ingin Kiki melakukan sesuatu untuknya. Perkara yang sama juga berlaku dalam contoh 6b, ungkapan penuh hormat oleh pekerja hotel kepada Kiki sebagai pelanggannya *いらっしゃらない irassharanai*, bertanyakan tentang penjaga. Untuk contoh 6c yang merupakan ucapan pengetua berkaitan dengan penjaga para pelajar *支えてきてくださった sasaete kite kudasatta*, seharusnya ungkapan lebih hormat digunakan.

Berikut ialah perbandingan kata kerja bentuk biasa dan kata kerja bentuk rendah diri;

	<b>Kata kerja</b>	<b>Kata kerja bentuk rendah diri</b>
6a	tomete kurenai 止めてくれない Tolong berhentikan	tomete kudasaranai 止めてくださらない
6b	iru いる ada	irassharanai いらっしゃらない
6c	sasaete kite kureta 支えてきてくれた disokong	sasaete kite kudasatta 支えてきてくださった

### Contoh 7

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-115 a)	<i>Ojama sasete itadakimasu.</i> お邪魔させていただきます (Benarkan saya mengganggu)	Maafkan saya untuk <b>mengganggu</b>
F1-115 b)	<i>Watashi wa kono machi ni sumasete itadakitain desu.</i> 私はこの町に住ませていただきます たいんです。 (Benarkan tinggal di bandar ini)	Saya <b>nak tinggal</b> dalam bandar ini
F2-423 c)	<i>Minasama, touki wa Kouchi Kuukou ni touchaku itashimashita.</i> 皆様、当期は高知空港に到着いたしました。 (Para penumpang sekalian, kapal terbang telah mendarat di lapangan terbang Kouchi)	Tuan-tuan dan puan-puan, kapal terbang <b>baru sampai</b> di lapangan terbang Kouchi.

Berlainan pula keadaannya dengan **bentuk rendah diri**, ia digunakan untuk menunjukkan perasaan rendah diri penutur terhadap pendengar dan orang yang menjadi topik dalam perbualan. Bentuk rendah diri juga digunakan apabila penutur bertutur berkenaan dengan perkara yang merujuk kepada diri sendiri atau ahli keluarganya dalam situasi yang formal.

Berikut adalah perbandingan kata kerja bentuk biasa dan kata kerja bentuk rendah diri.

	<b>Kata kerja</b>	<b>Kata kerja bentuk rendah diri</b>
7a	ojama sasete morau お邪魔させてもらう (Benarkan saya mengganggu)	ojama sasete itadakimasu お邪魔させていただきます
7b	sumasete moraitain desu 住ませてもらいたいです。 (Benarkan saya tinggal)	sumasete itadakitain desu. 済ませていただきたいんです。
7c	touchaku shimashita 到着しました (Telah mendarat)	touchaku itashimashita 到着いたしました

Untuk contoh 7a dan 7b di atas, Kiki bertegur-sapa dengan salah seorang penduduk di bandar Koriko. Oleh kerana kunjungan itu, kunjungan pertamanya ke bandar tersebut

dan dia tidak mengenali mereka, Kiki telah menggunakan bahasa rendah diri. Kiki juga memerlukan pertolongan untuk dia dapat tinggal di situ. Sementara itu, dalam contoh 7c pula, merupakan pengumuman yang dibuat oleh pembantu penerbangan (pramugari) kepada penumpang mengenai ketibaan di Lapangan Terbang Kouchi, topik pertuturan adalah mengenai ketibaan kapal terbang milik mereka. Justeru bahasa rendah diri digunakan. Kata kerja *touchaku itashimashita* dipadankan dengan kata kerja **baru sampai** adalah kurang tepat kerana kata kerja *touchaku itashimashita* memperihalkan ketibaan sebuah kapal terbang di lapangan terbang. Justeru itu, padanan yang disarankan ialah **mendarat**, namun begitu pemilihan kata kerja **baru sampai** masih boleh diterima pakai kerana ia tidak menjejaskan penyampaian mesej.

Sementara itu dalam bahasa Melayu juga terdapat beberapa variasi bahasa yang digunakan seharian walaupun tidak sebanyak variasi bahasa Jepun. Secara amnya, terdapat dua variasi utama yang digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu **bahasa basahan** yang merupakan bahasa yang digunakan oleh hampir kesemua lapisan masyarakat Melayu dan variasi **bahasa diraja/ bahasa istana/ bahasa raja** yang digunakan di kalangan keluarga diraja. Orang kebanyakan (*the commoners*) juga perlu mempunyai kemahiran bahasa diraja kerana mereka perlu menggunakannya apabila berurusan dengan kerabat diraja. Menurut Asmah (1985, hlm. 84), bahasa diraja boleh didengar apabila Sultan atau Yang DiPertuan Agong atau Pemangkunya berucap di hadapan orang awam. Dalam situasi ini, pengucapan mereka dengan subjek adalah dengan **bercakap ke bawah** (*talk down*) dan orang awam yang membalas akan **bercakap ke atas** (*talking up*) kepada mereka.

Justeru itu, dalam konteks penterjemahan kata kerja yang melibatkan variasi bahasa dalam sari kata kedua-dua filem terpilih ini, pengkaji mendapati penyari kata menggunakan strategi generalisasi. Kata kerja-kata kerja yang bervariasi ini telah

diterjemahkan secara generalisasi kepada satu variasi bahasa Melayu sahaja iaitu **bahasa basahan** kerana variasi ini digunakan oleh semua lapisan masyarakat terutamanya dalam pemilihan kata kerja. Namun, konteks pertuturan dalam filem ini tidak melibatkan pertuturan dengan keturunan diraja, kerana pertuturan dengan keluarga di raja sahaja yang melibatkan penggunaan variasi bahasa diraja. Pemilihan ragam **bahasa Melayu lisan** dengan bahasa cakap mulut adalah bertujuan untuk mencetuskan situasi pertuturan yang lebih neutral. Justeru, terdapat penggunaan perkataan yang dipotong-potong dan penggunaan kata terbitan yang sangat minimal sebagaimana yang dapat kita lihat dalam Jadual 8.1 berikut.

Berikut adalah jadual senarai kata kerja yang digunakan dalam contoh 1-4 berdasarkan variasinya:

**Jadual 8.1: Senarai Kata Kerja berdasarkan Variasi Bahasa**

Variasi bahasa	Kata kerja bahasa Jepun	Padanan bahasa Melayu
bahasa tak formal	kaku 書く	tulis
	watasu 渡す	ada
bahasa formal	tobemasu 飛べます	boleh terbang
	omoimasu 思います	ingat
bentuk honorifik	tomete kudasaranai 止めてくださらない	sila tutup
	irassharanai いらっしゃらない	tiada
	sasaete kite kudasatta 支えてきてくださった	telah disokong
bentuk merendah diri	ojamasasete itadakimasu お邪魔させていただきます	mengganggu
	sumasete itadakimasu 住ませていただきます	nak tinggal
	touchaku itashimashita 到着いただきます	telah mendarat

### 8.1.2.2 Genus

Berikut pula adalah contoh-contoh penggunaan kata kerja dengan penambahan partikel berdasarkan genus penutur.

#### Contoh 8

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
FI-171 a)	<i>Watashi mou chotto kono machi ni iru wa.</i> 私もうちょっとこの町にいるわ (Saya akan berada di bandar untuk sedikit masa lagi)	Saya akan <b>tinggal</b> dalam bandar ini untuk sebentar.
F1-264 b)	<i>Okyaku san ga jiki ni mieru wa yo.</i> お客さんが時期に見えるわよ (Pelanggan akan kelihatan sebentar lagi)	Tetamu <b>telah datang</b> .
F2-164 c)	<i>Sore de ironna koto kiita no yo.</i> それでいろんなこと聞いたのよ (Oleh sebab itu saya dengar macam-macam)	Lepas tu banyak perkara yang saya <b>dengar</b>
F2-293 d)	<i>Mama ga baka da to omotteta no.</i> ママがばかだと思っただの (Saya fikir emak bodoh)	Saya <b>ingat</b> ibu saya adalah bodoh.

#### Contoh 9

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-72 a)	<i>Ano suzu no oto mo toubun kikenai naa.</i> あの鈴の音も当分聞けないなあ (Bunyi loceng itu sudah lama tak dengar)	Kami <b>tak dapat dengar</b> loceng berbunyi itu lagi...
F1-278 b)	<i>Jefu ni agerun da yo boku.</i>	Dia <b>boleh terdapat</b> .

ジェフにあげるんだよ僕。  
(Saya **akan beri** pada Jeff.)

- |        |    |   |   |
|--------|----|---|---|
| F2-61  | c) | <i>Sakki kaidan no toko de Yamaura ni <b>auta zo</b>.</i><br>さっき階段のところで山浦に会うたぞ。<br>(Saya <b>terjumpa</b> Yamaura di tangga tadi)    | Saya <b>ternampak</b> Yamaura di tingkat atas itu.            |
| F2-145 | d) | <i>Kane dou suru, koko de <b>watasu ga ka</b></i><br>金どうする、ここで渡すがか。<br>(Macamana dengan wang ni...Saya <b>serahkan</b> di sini ka?) | Adakah kamu nak saya <b>berikan</b> wang kepada kamu di sini. |
- 

Dalam BJ penambahan partikel *wa* わ, *wa yo* わよ, *no* の dan *no yo* のよ pada akhiran kata kerja dengan nada ton pertuturan yang lebih rendah telah menjadikan keseluruhan ayat lebih sopan dan lembut (Maynard, 1990, hlm. 138-139) sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh 8 (a,b,c dan d), bahawa penuturnya adalah perempuan. Sementara dalam contoh 9 (a,b,c dan d) pula, partikel *naa* なあ, *da yo* だよ, *ga* が dan *zo* ぞ telah ditambah pada akhiran kata kerja yang digunakan supaya keseluruhan ayat menjadi lebih kasar dan tegas kerana penuturnya adalah lelaki.

Kecenderungan penggunaan unit-unit dalam bahasa dan komponennya akan dapat dilihat apabila kajian penggunaan bahasa dilakukan dikalangan kaum perempuan dan lelaki. Misalnya terdapat istilah khusus untuk merujuk kepada lelaki seperti **duda**, **wira**, **kacak**, **tampan**, **segak** dan **biduan** (S.Nathesan, 2007, hlm. 11). Sementara kata kerja seperti **menampi padi**, **menanak nasi**, **menghidang makanan**, **menyulam** dan **menyusukan anak** adalah sebahagian daripada contoh yang lebih memihak kepada kaum perempuan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2007, hlm. 19). Namun pada hakikatnya, kategori ini tidak selalu benar kerana dalam BM tidak wujud bahasa yang khusus untuk sesuatu genus.

Dalam kajian ini penterjemah/penyari kata didapati memilih kaedah **generalisasi** ketika menterjemah. Kata kerja bahasa sumber seperti *kiita wa* 聞いたわ (*feminin*) dan *kiitan da* 聞いたんだ (*maskulin*) yang membawa maksud **mendengar** dalam BM dan penggunaannya tidak melibatkan faktor genus kerana kedua-dua perkataan itu boleh digunakan oleh kedua-dua genus tanpa sebarang penukaran atau penambahan.

### 8.1.2.3 Kata kerja yang melibatkan perbuatan memberi dan menerima.

Strategi **generalisasi** turut digunakan pada penterjemahan kata kerja yang melibatkan perbuatan **memberi** dan **menerima** kerana penggunaannya yang agak kompleks berbanding BM sebagaimana yang telah diterangkan dalam Bab 5. Pemberian dan penerimaan sesuatu itu dianggap perbuatan yang penting dalam masyarakat Jepun sehinggakan penggunaan perkataan untuk menerangkan kedua-dua kata kerja ini juga berlainan bergantung kepada hubungan di antara penutur dan pendengar, hubungan antara pemberi dan penerima, hubungan hirarki dan hubungan antara hubungan **orang luar** (*soto*) dan **orang dalam** (*uchi*). Orang luar (*soto*) ialah orang yang mempunyai hubungan yang jauh dengan penutur, sementara orang dalam (*uchi*) ialah orang yang mempunyai pertalian rapat dengan penutur, seperti keluarga (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 139-146).

Sementara itu, kategori sebegini tidak wujud dalam BM. Justeru itu, untuk kategori ini penyari kata melakukan **generalisasi**, iaitu perkataan memberi dan menerima digunakan pada semua kata kerja yang disebut di atas tanpa mengambil kira status sosial penutur/pelaku atau orang yang terlibat.



Berikut adalah contoh-contoh penggunaannya dalam BJ dan terjemahannya dalam BM.

### Contoh 10

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-137 a)	<i>Hoshikereba Jiji ni ageru.</i> ほしければジジにあげる (Kalau nak, saya berikan kepada Jiji)	Kalau nak, saya <b>beri</b> kamu.
F1-561 b)	<i>Kami sama ka dare ka ga kureta chikara nanda yo ne.</i> 神様かだれかがくれた力なんだよね。 (Tenaga yang diberikan tuhan atau sesiapa)	Ia adalah kuasa yang <b>diberi</b> oleh Tuhan atau seseorang kepada kamu
F2-234 c)	<i>Karita okane wa papa kara morau wa yo.</i> 借りたお金はパパからもらうわよ (Saya akan dapatkan duit daripada ayah untuk membayar wang yang dipinjam)	Saya akan <b>dapat</b> wang itu dan saya pinjam_dari kamu. Dari bapa saya.
F2-249 d)	<i>Ichiban ii heya moratta no.</i> 一番いい部屋もらったの (Saya akan dapatka bilik yang terbaik)	Dan <b>beri</b> bilik yang terbagus kepada bapa.

Kata kerja *ageru* あげる untuk maksud perbuatan **memberi** digunakan dalam contoh 10a memandangkan hubungan antara pemberi (Kiki) dan penerima (Jiji) adalah antara orang dalam dengan orang dalam. Dengan kata lain, watak ini mempunyai hubungan yang rapat. Sebaliknya dalam contoh 10b, kata kerja *kureru* くれる yang juga bermaksud **memberi** telah digunakan kerana pemberi merupakan tuhan yang sememangnya mempunyai kedudukan yang tinggi berbanding penerima iaitu hambanya yang berkedudukan lebih rendah. Namun begitu, dalam BM kedua-dua kata kerja ini telah digeneralisasikan dengan padanan kata kerja yang sama, iaitu **beri**.

Sementara itu, kata kerja *morau* もらう yang bermakna **menerima** biasanya digunakan apabila penutur atau orang dalam merupakan pihak menerima. Sebagaimana yang dapat kita lihat dalam contoh 10c, penerima adalah penutur sendiri (Rikako) dan untuk contoh 10d pula penerima adalah orang dalam (bapa Rikako). Justeru itu, kerja *morau* もらう dalam contoh 10c telah dipadankan dengan kata kerja dapat, iaitu kata sinonim untuk kata kerja menerima. Cuma dalam contoh 10d, penyari kata telah menukar struktur ayat dan menterjemahkan kata kerja *moratta* もらった ke kata kerja beri. Walau pun penyari kata menggunakan struktur ayat dan kata kerja yang berbeza, namun mesej yang ingin disampaikan masih boleh diterima dan difahami.

Konsep yang sama turut diaplikasikan kepada kata kerja yang terikat pada kata kerja-kerja kerja daripada kumpulan sama. Misalnya kata kerja *motte ageru* 持ってあげる, *kite kureru* 来てくれる, *katte morau* 買ってもらう dan sebagainya. Namun, ia tidak membawa maksud memberi atau menerima sebaliknya memberi atau menerima pertolongan (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 166-169) sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh-contoh di berikut:

### Contoh 11

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-125	a) <i>Ne...sono ho-ki misete kurenai?</i> ね・・・そのほうき見せてくれない ( <i>tunjukkan kepada saya penyapu itu</i> )	Bolehkah kamu <b>tunjukkan</b> penyapu itu kepada saya?
F2-242	b) <i>Mochiron yo.. tanonde ageru wa.</i> もちろんよ・・・頼んであげるわ ( <i>Sudah tentu saya ada minta tolong</i> )	Tentu ..saya akan <b>tanyakan</b> bapa untuk kamu

Dalam contoh 11a kata kerja *misete kurenai* 見せてくれない (bentuk *nai* untuk *kureru*) digunakan kerana Kiki (pendengar) diminta oleh Tonbo (penutur) menunjukkan penyapu ajaib kepadanya. Hubungan orang yang memberi adalah antara orang luar (Kiki) yang jauh perhubungannya dengan orang menerima, iaitu diri sendiri (Tonbo). Sebaliknya, penggunaan kata kerja *tanonde ageru* 頼んであげる dalam contoh 11b, berdasarkan pertolongan untuk bertanya kepada bapanya oleh Rikako (penutur) yang diberitahu kepada Morisaki (pendengar). Hubungan antara pemberi pertolongan dan penerima pertolongan adalah sebagai orang dalam (Rikako) dan orang luar (Morisaki).

### 8.1.3 Pemecahan/Pemotongan

Strategi **pemecahan** ialah sebahagian elemen atau kandungan yang mungkin penting dipecahkan/buang/kurangkan bagi mengimbangi kekangan masa dan ruang atau tiada padanan struktur morfologi yang sama dalam bahasa sasaran. Misalnya, dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati strategi **pemecahan** digunakan pada kata kerja terikat (*hojodoushi* 補助動詞). Kata kerja terikat dalam bahasa Jepun dari segi bentuknya, terdapat sedikit perbezaan dengan definisi kata kerja yang diberikan. Dari segi makna pula, ada kata kerja terikat ini yang tidak mengekalkan makna asalnya dan ada sebilangan yang mengekalkan sedikit daripada makna asalnya. Kata kerja terikat tidak boleh digunakan secara bebas. Ia merupakan ikatan dengan kata kerja lain yang berbentuk *-te* dan bentuk pra *-masu* (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 146).

Seterusnya adalah contoh-contoh kata kerja terikat yang telah digunakan dalam kedua-dua filem serta padanannya. Pengkaji telah membahagikan contoh-contoh ini kepada tiga kategori berdasarkan bentuknya.

### 8.1.3.1 Kata Kerja Terikat I : Kata kerja bentuk *te + iku/kuru*

(V て+行く/来る)

Walau pun kata kerja *kuru* 来る memberi maksud **datang** dan kata kerja *iku* 行く memberi maksud **pergi**, tetapi apabila digunakan sebagai kata kerja terikat, ia membawa beberapa maksud tertentu berdasarkan konteks ayat.

Keadaan ini dapat diperjelaskan lagi dengan melihat pada contoh-contoh yang dipetik daripada kedua-dua filem terpilih seperti dibawah:

#### Contoh 12

	Kapsyen bahasa Jepun	Sari kata bahasa Melayu
F1-141 a)	<i>Okyakusan warui kedo chotto mattete, kore todokete kuru kara,</i> お客さん悪いけどちょっと待ってて、これ届けて来るから、 (Maafkan saya encik, saya ingin menghantar barangan ini, sila tunggu sebentar)	Maafkan saya tuan, bolehkah kamu tunggu semasa saya <b>hantar</b> ini
F1-631 b)	<i>Shujo ga sora o tonde ikimasu!</i> 少女が空を飛んで行きます! (Remaja perempuan yang terbang di langit)	Gadis adalah <b>terbang</b> dari langit!
F2-166 c)	<i>Okozukai takusan motte kiterun desho?</i> おこずかいたくさん持って来てるん (Awak bawa duit belanja banyak ye)	Kamu <b>telah</b> bawa wang yang banyak itu
F2-394 d)	<i>Kurasu kara ukippanashi de shikashi seiseki dake wa masumasu agatte itta</i> クラスから浮きっ放しでしかし成績だけはますます上がって行った (Semasa dalam kelas dia kelihatan biasa, tetapi keputusan peperiksaan nya terus-terusan meningkat)	Rikako keluar dari tempat sebagai biasanya. Walaupun, grades dia <b>akan pergi</b> dengan tinggi lagi.

Berikut ialah jadual pecahan asal kata kerja terikat berserta makna sebagaimana dalam contoh 12 di atas.

**Jadual 8.2: Pecahan Kata Kerja Terikat dalam Contoh 12**

	<b>terikat</b>	<b>kata kerja asal</b>	<b>makna</b>	<b>padanan sarikata</b>
a	<i>todokete kuru</i> 届けて来る	<i>todokeru + kuru</i> 届ける+来る	hantar + datang	hantar
b	<i>tonde ikimasu</i> 飛んでいきます	<i>tobu + iku</i> 飛ぶ+行く	terbang + pergi	terbang
c	<i>motte kiterun</i> 持ってきてるん	<i>motsu + kiterun</i> 持つ+きてるん	bawa + datang	telah bawa
d	<i>agate itta</i> 上がって行った	<i>agaru + itta</i> 上がる+行った	menaik + pergi	akan pergi

Dalam contoh 12a, perkataan *kuru* menunjukkan seseorang itu pergi ke suatu tempat, buat sesuatu dan kembali semula ke tempat asal (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 160), Osono telah menyuruh pelanggan menunggunya kerana dia akan pergi sebentar untuk **menghantar** barangan dan akan **datang** semula ke tempat itu.

Sementara perkataan *iku* 行く (*ikimasu* 行きます) / *kuru* 来る (*kiterun* 来てるん) dalam contoh 12b dan 12c pula membawa maksud dua perbuatan yang mempunyai sama tujuan dan dilakukan secara serentak (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 165). Dalam konteks kajian ini, kata kerja *tonde ikimasu* 飛んでいきます digunakan pemberita untuk melaporkan tentang seorang kanak-kanak perempuan yang **terbang** untuk **pergi** ke arah kapal terbang udara panas. Manakala kata kerja *motte kiterun* 持ってきてるん yang digunakan oleh Rikako untuk memastikan bahawa Morisaki **membawa** wang belanja yang **banyak** datang ke Hawaii.

Berlainan dengan perkataan *iku* 行く (*itta* 行った) dalam contoh 12d yang menunjukkan sesuatu keadaan yang terus berubah atau perlakuan yang berterusan dari suatu masa tertentu ((Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 159). Kata kerja *agate itta*

上がった行った digunakan bagi menunjukkan prestasi pelajaran yang **terus pergi** walau pun sering ponteng daripada mengikuti aktiviti kelas. Walau bagaimanapun, padanan yang telah diberikan oleh penyari kata iaitu **terus pergi** kurang sesuai kerana kata kerja **pergi** lebih sesuai untuk menerangkan pergerakan ke sesuatu tempat. Oleh kerana dalam konteks ayat ini kata kerja *iku* 行く di sini memperihalkan kenaikan keputusan peperiksaan Rikako, pengkaji mencadangkan kata kerja **peningkatan** sebagai padanan untuk kata kerja *agatte itta* 上がった行った.

Kajian ini mendapati, penyari kata menterjemah kata kerja terikat dalam contoh 12 di atas dengan strategi **pemecahan**, iaitu kata kerja tersebut dipecahkan kepada dua dan hanya menterjemahkan kata kerja yang pertama dengan mengambil kira sistem gramatis keseluruhan kata kerja terikat tersebut, sementara kata kerja *iku/kuru* 行く/来る telah digugurkan maksudnya. Sebagai contoh kata kerja *tonde ikimasu* 飛んで行きます, kata kerja *tonde* 飛んで sahaja yang diterjemahkan, manakala kata kerja *ikimasu* 行きます telah digugurkan (tidak menterjemahkannya). Oleh yang demikian, padanan bagi kata kerja *tonde ikimasu* 飛んで行きます hanyalah kata kerja **terbang**.

#### 8.1.3.2 Kata Kerja Terikat II : Kata kerja bentuk *te + ageru/kureru/ morau*

(V て+あげる /くれる /もらう)

Apabila digunakan sebagai kata kerja terikat, makna asal *ageru* あげる, *kureru* くれる, *morau* もらう dan perkataan yang seumpamanya tidak terjejas. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan tersebut tidak bermaksud **memberi** atau **menerima sesuatu benda**, tetapi sebaliknya bermaksud **memberi** atau **menerima sesuatu pertolongan**.

Berikut kita lihat contoh-contoh kata kerja terikat yang disebut tadi:

### Contoh 13

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-116 a)	<i>Sou...ki ni itte moraete yokatta wa.</i> そう・・気に入ってもらえて よかったわ。 (Saya gembira awak tertarik dengannya)	Saya gembira kamu <b>sukakannya</b>
F1-282 b)	<i>Ketto, Jefu ga detagatteru wa akete agete.</i> けっと、ジェフが出たがってる わ、開けてあげて (Ketto, Jeff nak keluar tu, bukakan pintu untuknya)	Ketto, dia nak keluar. <b>Buka</b> pintu, okay
F1-291 c)	<i>Nuigurumi o mitsukete kureta hito ga ne.</i> ぬいぐるみを見つけてくれた人がね (Orang yang menjumpai anak patung itu..)	Orang itu <b>dapat cari</b> patung itu
F2-44 d)	<i>Konki wa zehi koutoubu sannen no minasan ni ganbatte moritai,</i> 今期はぜひ高等部三年の皆さんに頑張ってもらいたい、 (Pada kali ini kami benar-benar berharap agar pelajar tahun 3 sekolah menengah tinggi dapat berusaha bersungguh-sungguh)	Kami nak senior sekolah tinggi itu untuk <b>lakukan dengan baik</b> ujian kedua.
F2-222 e)	<i>Mama wa zettai ni ikasete kurenai wa yo.</i> ママはぜったいに行かせてくれないわよ。 (Emak tidak akan benarkan saya pergi)	Ibu saya <b>tak akan biar</b> saya pergi.
F2-242 f)	<i>Mochiron yo tanonde ageru wa</i> もちろんよ頼んであげるわ。 (Sudah tentu saya ada meminta tolong)	Tentu...saya <b>akan tanya</b> dia dari kamu.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam seksyen 8.1.2.3, penggunaan kata kerja terikat dengan kata kerja *ageru* あげる, *kureru* くれる, *morau* もらう dan seumpamanya adalah mengambil kira hubungan antara pemberi dan penerima, dan juga hubungan antara penutur dan pihak yang terlibat.

Dalam Contoh 13b dan 13f, kata berkait *Vte + ageru* *V* て+あげる membawa maksud melakukan sesuatu perbuatan untuk orang lain. Ini bermakna dalam konteks kata kerja *akete agete* 開けてあげる dalam contoh 13b, Ketto disuruh oleh ibunya membukakan pintu untuk anjingnya, Jeff.

Begitu juga yang berlaku pada contoh 13b, kata kerja *tanonde ageru* 頼んであげる. Berdasarkan konteks kata kerja ini, Rikako akan bertanyakan pertolongan untuk Matsuno kepada ayahnya dan padanan yang diberi ialah **akan tanya** iaitu makna bagi kata kerja *tanonde* 頼んで sahaja.

Sementara dalam contoh 13c dan 13e pula, kata kerja berkait *Vte + kureru* *V* て+くれる membawa maksud orang lain melakukan sesuatu perbuatan untuk kita atau orang dalam. Berdasarkan konteks kata kerja dalam contoh 13c, *mitsukete kureru* 見つけてくれる bermaksud Ursula **menjumpai** patung yang dicari Kiki (penutur) atau perbuatan **menjumpai** dilakukan Ursula untuk Kiki. Dalam 13e, *ikasete kurenai* 行かせてくれない bermaksud perbuatan **tidak membiarkan pergi** yang dilakukan oleh ibunya kepada Rikako (penutur). Seterusnya dalam contoh 13a dan 13d, kata kerja terikat *Vte + morau* *V* て+もらう bermaksud kita atau orang dalam menerima sesuatu perbuatan daripada orang lain. Secara literalnya, seperti dalam contoh 10a, kata kerja *ki ni itte moraete* 気に入ってもらえて menggambarkan penerimaan penutur (penduduk



bandar) terhadap sikap Kiki yang menyukai bandar Koriko dan dalam contoh 13d pula, kata kerja *ganbatte moraitai* 頑張ってもらいたい menyatakan hasrat (penutur) pengetua yang ingin mendapatkan usaha kuat daripada pelajarinya untuk berjaya dalam pelajaran.

Sebagai strategi penterjemahan pada contoh-contoh 13 di atas, pengkaji mendapati bahawa penyari kata telah **memecahkan** kesemua kata kerja terikat tersebut dan hanya menterjemahkan kata kerja yang pertama dan menggugurkan kata kerja kedua. Misalnya dalam contoh 13b di atas, kata kerja *akete agete* 開けてあげて telah dipecahkan kepada *akete* 開けて dan *agete* あげて. Penyari kata menterjemahkan kata kerja *akete* 開けて dengan kata kerja **buka** dalam bahasa Melayu dan menggugurkan kata kerja *agete* あげて iaitu dengan tidak menterjemahkannya. Justeru itu, kata kerja *akete agete* 開けてあげて telah diberi padanan kata kerja **buka** sahaja. Begitulah juga yang berlaku pada kata kerja-kata kerja yang lain sebagaimana yang dapat dilihat dalam jadual 8.3 di bawah.

**Jadual 8.3: Jadual Pecahan Kata Kerja terikat dalam Contoh 13**

	Terikat	Kata Kerja Asal	makna	Padanan Sarikata
a	<i>ki ni itte moraete</i> 気に入ってもらえて	<i>ki ni iru + moraeru</i> 気に入る+もらえる	suka + terima	sukakannya
b	<i>akete agete</i> 開けてあげて	<i>akeru + ageru</i> 開ける+あげる	buka + beri	buka
c	<i>mitsukete kureta</i> 見付けてくれた	<i>mitsukeru + kureru</i> 見つける+くれる	jumpa + beri	dapat cari
d	<i>ganbatte moraitai</i> 頑張ってもらいたい	<i>ganbaru + moraitai</i> 頑張る+もらいたい	usaha + hendak terima	lakukan dengan baik
e	<i>ikasete kurenai</i> 行かせてくれない	<i>ikaseru + kurenai</i> 行かせる+くれない	benarkan pergi + tidak beri	takkan biar saya pergi
f	<i>tanonde ageru</i> 頼んであげる	<i>tanomu + ageru</i> 頼む+あげる	tolong + beri	akan tanya

Walaupun padanan yang diberikan masih dapat menyampaikan mesej, tetapi pemilihan perkataan yang kurang sesuai dan penggunaan imbuhan yang kurang tepat juga telah menyebabkan sari kata ini tidak sesuai dan janggal.

Justeru itu, pengkaji mencadangkan penambahan akhiran {~kan} pada contoh 10b supaya kata kerja **buka** menjadi **bukakan** dan pada contoh 10f kata kerja **tanya** menjadi **tanyakan**. Menurut Asmah (2008, hlm. 101), salah satu fungsi akhiran {~kan} ialah membawa makna melakukan sesuatu untuk orang lain. Manakala akhiran {~kan} dalam fungsi ini diletakkan selepas kata kerja transitif. **Penambahan** kata ganti nama dalam ayat juga boleh menambahkan lagi kefahaman penonton bahawa perbuatan yang dilakukan itu bukan untuk pelaku tetapi dilakukan untuk pihak orang lain sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh 13a, 13e dan 13f.

Pemilihan kata kerja **dapat cari** untuk padanan kata kerja *mitsukete kureru* 見つけてくれる kurang tepat kerana dalam konteks ayat di atas, Ursula tidak mencari anak patung itu, tetapi menjumpai secara tidak sengaja di dalam hutan. Justeru itu, padanan kata kerja yang sesuai ialah **menjumpai**. Begitu juga dengan pemilihan kata kerja **lakukan dengan baik** untuk padanan bagi kata kerja *ganbatte moritai* 頑張ってもらいたい kerana berdasarkan konteks ayat tersebut, pengetua menginginkan peningkatan keputusan untuk kebaikan sekolah dan pelajar perlulah berusaha untuk mencapainya. Oleh itu, kata kerja *ganbatte moritai* 頑張ってもらいたい lebih sesuai dipadankan dengan kata kerja **berusaha** berbanding kata kerja **lakukan** yang lebih am maksudnya.



ga ka.

どうしたじゃ、金使い過ぎた  
がが。

(Kenapa? kamu telah  
menggunakan duit belanja  
berlebihan?)

wang yang lebih itu.

- F2-498 f) *Rikako to konna fuu ni shite, shiro o miagetakattan da.* Saya nak **lihat** pada ibukota seperti ini dengan Rikako.  
里佳子とこんなふうにして、城  
を見あげたかったんだ。  
(Rikako melakukan sebegitu kerana  
ingin melihat istana)
- 

Walaupun penggabungan dua kata kerja yang membentuk kata kerja majmuk ini membawa makna-makna yang spesifik ( Mc Clure, 2000、 hlm. 65-76), misalnya contoh-contoh seperti berikut,

<i>yomi hajimemasu</i> 読み始めます	→	<i>yomimasu + hajimemasu</i> 読みます+始めます (membaca)+(bermula)	= mula membaca
<i>tabe sugimasu</i> 食べ過ぎます	→	<i>tabemasu + sugimasu</i> 食べます+過ぎます (makan + (berlebihan))	= makan berlebihan

Namun dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati penyari kata sekali lagi menggunakan strategi **pemecahan** untuk menterjemah kata kerja majmuk.

Berikut adalah jadual pecahan kata kerja majmuk dalam Contoh 14.

**Jadual 8.4: Pecahan Kata kerja Majmuk dalam contoh 14**

	<b>Majmuk</b>	<b>Kata Kerja Asal</b>	<b>Makna</b>	<b>Padanan Sari Kata</b>
a	<i>mochidashita</i> 持ち出した	<i>mochimasu+dashita</i> 持ちます+出した	membawa+ keluar	bawa
b	<i>tsukaikonderu</i> 使い込んでいる	<i>tsukaimasu+kondeiru</i> 使います+込んでいる	guna + sesak	menceroboh
c	<i>tobiutsure</i> 飛び移れ	<i>tobimasu+utsure</i> 飛びます+移れ	lompat + pindah	terjun
d	<i>yobidashita</i> 呼び出した	<i>yobimasu+dashita</i> 呼びます+出した	panggil + keluar	hubung
e	<i>tsukaisugita</i> 使い過ぎた	<i>tsukaimasu+sugita</i> 使います+過ぎた	guna+berlebihan	bazir
f	<i>miagetakatta</i> 見あげたかった	<i>mimasu+agetakatta</i> 見ます+あげたかった	lihat + angkat	lihat

Penyari kata telah memecahkan kata kerja majmuk ini dan menterjemahkan kata kerja yang pertama sahaja. Justeru itu, berlakulah terjemahan kurang kerana kata kerja majmuk membawa makna yang lebih spesifik. Namun ia masih penterjemahan sari kata, kerana sebahagian daripada mesej boleh difahami oleh penonton melalui visual seperti yang pernah dicadangkan oleh Abdullah dan Asmah (2001, hlm. 284-287) sebagai panduan penting bagi terjemahan sari kata televisyen dan filem. Menurut mereka, penterjemahan sari kata menterjemahkan maklumat yang tidak boleh difahami oleh penonton daripada menonton gambar dalam skrin. Misalnya apabila seorang pelakon sedang memberikan bungkusan kepada pelakon lain dalam babak, sari kata tidak perlu dituliskan **Ambillah bungkusan ini** tetapi sudah cukup dengan **Ambillah**. Dalam contoh 14a, kata kerja *mochidashita* 持ち出した merujuk kepada radio kepunyaan bapa yang dibawa oleh Kiki ketika bermain-main di luar rumah. Oleh kerana visual telah menunjukkan situasi Kiki mendengar radio di taman, jadi penonton sudah

maklum bahawa Kiki telah membawa radio ayahnya ke luar rumah walaupun tidak dinyatakan dalam sari kata.

Sementara itu terdapat pemilihan padanan yang tidak sesuai pada contoh 14b dan 14d, iaitu kata kerja *tsukaikonderu* 使い込んでる tidak sesuai diberi padanan dengan kata kerja **menceroboh**. Ini kerana kata kerja *tsukaikonderu* 使い込んでる adalah gabungan *tsukaimasu* 使います + *kondeiru* 込んでいる yang membawa gabungan dua makna iaitu **guna** + **sesak**. Makna kata adjektif **sesak** membawa maksud banyak kali atau berulang-ulang dan dalam konteks ayat contoh 11b, *tsukaikonderu* 使い込んでる itu merujuk kepada penyapu ajaib yang telah digunakan berulang kali suatu masa dahulu. Justeru, pengkaji mencadangkan **biasa digunakan** untuk padanan kata kerja *tsukaikonderu* 使い込んでる. Berdasarkan kamus Koujiten 4<sup>th</sup> Edition (1994), kata kerja *yobidashita* 呼び出した bermaksud memanggil seseorang untuk datang ke tempat penutur. Kata **hubung** yang bermaksud ‘bersangkutan, bersambungan dan berangkaian’ (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005) adalah tidak tepat untuk dipadankan dengan kata kerja *yobidashita* 呼び出した. Pengkaji mencadangkan kata **memanggil** sebagai padanan kata kerja *yobidashita* 呼び出した.

#### 8.1.4 Pengembangan/ Penambahan

Strategi **pengembangan/penambahan** dilakukan apabila terdapat ungkapan di perkembangkan berupa penerangan kerana tiada padanan dalam teks sasaran, misalnya unsur budaya.

Dalam konteks kajian ini **pengembangan/penambahan** dilakukan penterjemahan pada ungkapan kata kerja teks sumber yang melibatkan unsur budaya dengan tujuan mendapatkan kesejadian dalam teks sasaran.

Berikut adalah contoh-contoh 15 di bawah:

**Contoh 15**

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-115	a) <i>Ojama sasete itadakimasu.</i> お邪魔させていただきます (Benarkan saya mengganggu)	Maafkan saya untuk <b>mengganggu</b> kamu.
F2-16	b) <i>Osaki ni shitsurei shimasu.</i> お先に失礼します。 (Saya minta diri dahulu)	<b>Maafkan untuk habiskan kerja</b> dengan awalnya.

Ungkapan dalam contoh 15a merupakan ungkapan yang berasal daripada kata kerja *ojama sasemasu* お邪魔させます yang telah diungkapkan dalam bentuk merendah diri (rujuk 8.1.2.1). Ungkapan ini membawa maksud **benarkan saya untuk mengganggu**. Walau bagaimanapun, penambahan kata kerja **maafkan** telah dilakukan dalam penterjemahan ini bagi mendapatkan kesejadian dalam bahasa sasaran. Kebiasaan bagi orang Melayu akan meminta maaf terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara yang mungkin mengakibatkan ketidakselesaian kepada pihak yang satu lagi. Perkara yang sama juga telah dilakukan oleh penyari kata pada ungkapan dalam contoh 15b, kata kerja *shitsurei shimasu* 失礼します telah diberikan padanan **maafkan untuk habiskan kerja**. Penyari kata turut menambah kata kerja **maafkan** yang juga sebagai faktor kesejadian kepada penonton sasaran. Walau bagaimanapun, pemilihan frasa **habiskan kerja** sebagai padanan kata kerja *shitsurei shimasu* 失礼します adalah terjemahan literal yang kurang sesuai. Pengkaji mencadangkan **saya minta diri** sebagai padanan kerana mengikut konteks ayat ini, ungkapan yang diucapkan oleh Morisaki kepada pemilik kedai ialah untuk memberitahu bahawa dia akan pulang terlebih dahulu walaupun orang lain masih bekerja.

Selain itu, terdapat juga **penambahan** kata ganti nama diri pada sesetengah kata kerja BJ. Ia menjelaskan lagi maksud sari kata BM akan pelaku pada perbuatan yang dituturkan itu walaupun ganti nama diri tidak dituturkan dalam dialog bahasa sumber seperti yang dapat kita lihat dalam contoh-contoh berikut:

### Contoh 16

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-130 a)	<b><i>Tsuite konai de!</i></b> 付いて来ないで! (Jangan ikut saya)	<b>Jangan ikut saya!</b>
F1-149 b)	<b><i>Odoroichatta yo, anta sora toberun_da ne.</i></b> 驚いちゃったよ、あんた空飛べるん (Terperanjat saya, awak boleh terbang?)	<b>Saya sangat terperanjat, bolehkah kamu terbang lagi.</b>
F1-334 c)	<b><i>Okusama miemashita yo.</i></b> 奥様見えましたよ。 (Puan, dia dah kelihatan)	<b>Puan, dia berada di sini.</b>
F2-31 d)	<b><i>Mien yanka.</i></b> 見えんやんか。 (Bukankah tidak nampak)	<b>Saya tak dapat lihat.</b>
F2-165 e)	<b><i>Sonna koto made hanashitan.</i></b> そんなことまで話したん (Sampai macam tu sekali kamu bercerita)	<b>Dia beritahu kamu tentang itu .</b>
F2-170 f)	<b><i>Ja, rokuman-en no hou kashite kurenai?</i></b> じゃ、六万円のほう貸してくれない (Kalau macam tu, pinjamkan saya 60,000 yen.)	<b>Baik, bolehkah kamu pinjamkan saya 60,000 yen?</b>



Penambahan kata ganti nama diri pada terjemahan kata kerja dalam kesemua contoh 16 di atas telah memberikan lebih kefahaman pada penonton bahasa sasaran. Malahan dalam contoh 16e dan 16f, terdapat dua ganti nama diri yang telah ditambah dalam ayat. Secara umumnya, wacana lisan BJ amat kurang menggunakan kata ganti kerana subjek pertuturan telah dikenal pasti pada pertuturan yang sebelumnya, dan secara automatiknya kata ganti nama ditinggalkan.

*Dalam kebanyakan bahasa secara amnya, dilihat wujudnya strategi untuk meminimalkan usaha menyalurkan mesej. Antara strategi yang biasa digunakan ialah elipsis, singkatan, ringkasan dan penggunaan ganti nama diri. Strategi yang paling kerap dan lebih tepat digunakan ialah elipsis (seperti pengguguran perkataan) dalam bahasa Jepun.*

*(Makino & Tsutsui, 1986, hlm. 23)*

Hal ini berlainan dengan struktur ayat BM yang masih mengekalkan kata ganti nama diri sebagai subjek dalam perbualan lisan atau penulisan.

Penambahan kata kerja juga berlaku dalam sesetengah ayat bahasa sasaran, walaupun tiada kata kerja dalam bahasa sumber, terutamanya pada ayat pertuturan dialog bahasa sumber yang tidak lengkap/dihabiskan atau tergantung begitu sahaja dalam contoh-contoh berikut:

### **Contoh 17**

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-152 a)	<i>Ja, watashi wa kore de. じゃ、私はこれで、 (Okay, saya sampai di sini saja..)</i>	Baiklah, saya <b>akan pergi</b>
F1-271 b)	<i>Demo mada katazuke ga... でもまだ片付けが・・・ (Tetapi..saya masih belum berkemas..)</i>	Tetapi saya <b>belum lakukan</b> lagi!

F2-122	c)	<i>E? Mutou no ie e ka?</i> え？武藤の家へか？ <i>Eh..ke rumah Mutou ke?</i>	Kamu maksud kamu <b>nak pergi</b> ke rumah dia.
F2-463	d)	<i>Oi toire ka?</i> おい、トイレか？ <i>Hoi, pergi toilet?</i>	<b>Nak pergi</b> ke bilik mandi?
F2-469	e)	<i>Shimizu na...Mutou san ni auta ga ya to...</i> 清水な・・・武藤さんに会ったがやと・・・ <i>(Shimizu...kamu ada berjumpa Mutou)</i>	Shimizu <b>beritahu</b> itu kepada saya dan dia temu dengan Mutou.

---

Dalam konteks perbualan atau pertuturan terdapat banyak strategi digunakan sama ada disengajakan atau sebaliknya kerana penutur mempunyai perasaan-perasaan tertentu misalnya ketakutan, kurang keyakinan diri, ketidak puasan hati dan sebagainya. Penuturan sebegini memberi impak pragmatik kepada penonton akan perasaan watak dengan jelas dalam bahasa sumber.

Menurut Thaiyibah dan Kami (1997, hlm. 27), umumnya dalam BJ, unsur-unsur yang boleh difahami daripada konteks ayat atau situasi boleh digugurkan daripada ayat tersebut kecuali pengguguran itu akan menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis. Pengguguran boleh berlaku kepada klausa utama dalam situasi, iaitu perkara yang hendak disampaikan itu sudah difahami atau diketahui oleh penutur dan pendengar. Situasi seperti ini dapat dilihat dalam contoh 17a, iaitu Kiki memberi tahu Osono bahawa dia sampai di situ sahaja. Secara tidak langsung, bermakna dia akan pergi. Dalam contoh 17d, hanya perkataan *toire* トイレ saja yang digunakan oleh Morisaki kepada Yamao semasa dia berjalan menuju ke bilik air. Walaupun tanpa perkataan lain, Yamao pasti memahami bahawa Morisaki bertanya kepadanya. Sementara dalam contoh 17e, perkataan *Shimizu na* 清水な di awal ayat dan partikel *to*

と di akhir telah memberi kefahaman bahawa Shimizu yang memberitahu tentang pertemuannya dengan Mutou.

Seterusnya, pengguguran juga berlaku dalam keadaan yang menyentuh perasaan seperti menyatakan keengganan atau penolakan sesuatu jemputan atau keraguan untuk menyatakan sesuatu perkara. Penutur menggugurkan sebahagian daripada ayat untuk mengelakkan daripada dianggap sebagai tidak bersopan dengan menyatakannya secara berterus terang. (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 27).

Dalam contoh 17b, Kiki merasa ragu-ragu untuk berterus-terang kepada Ursula bahawa kerja-kerja mengemasnya belum selesai. Begitu juga dalam contoh 17c, Morisaki agak terperanjat dan berasa teragak-agak untuk meneka bahawa Matsuno telah pergi ke rumah Mutou.

Pengguguran dalam bahasa sumber telah menyebabkan penambahan dalam bahasa sasaran kerana perkara sebegini tidak dilakukan dalam BJ. Tidak ada strategi pengguguran sebegini dalam BM. Justeru, kapsyen dalam bahasa sumber yang tergantung/ tidak lengkap telah diterjemahkan dalam bentuk ayat yang lengkap dalam bahasa sasaran.

### **8.1.5 Ringkasan**

Strategi terjemahan cara ini merupakan strategi yang tepat dan sesuai bagi proses menterjemah sari kata kerana terdapatnya kekangan dari segi masa dan ruang pada skrin televisyen. Terjemahan ini juga menggunakan jumlah perkataan yang ringkas dan terhad tetapi mengandungi maklumat yang padat dan cukup untuk difahami oleh pembaca sasaran. Sementara itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa strategi **ringkasan** digunakan pada kebanyakan kata kerja terbitan.

Kata kerja terbitan ini telah diringkaskan menjadi kata kerja dasar seperti dalam contoh-contoh berikut:

### Contoh 18

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-218 a)	<i>Obasan, ano ko shitteru no?</i> おばさん、あの子知ってるの? (Makcik, kenal tak dengan budak tu?)	Adakah kamu <b>kenal</b> dia?
F1-308 b)	<i>Minna kimi no hanashi o kikitagatterun da.</i> みんな君の話を聞きたがってるんだ。 (Mereka semua ingin menengar cerita kamu)	Setiap orang <b>nak dengar</b> cerita kamu.
F1-440 c)	<i>Kopori toiu hito o sagashiteru no.</i> コポリという人を探しているの。 (Saya sedang mencari orang bernama Kopori)	Saya <b>cari</b> Encik Kopori
F2-111 d)	<i>Kodomo mo issho ni tsurete ikitai mon zo ne.</i> 子供も一緒に連れて行きたいもんぞ (Saya ingin membawa anak-anak pergi bersama)	Kamu <b>akan bawa</b> kanak-kanak dengan kamu.
F2- 226 e)	<i>Uchi no okaasan, Rikako no okaasan no koto shiran shi.</i> うちのお母さん、里佳子のお母さんのこと知らんし、 (Ibu saya tidak mengenali ibu Rikako)	Ibu saya <b>tak tahu</b> pada ibu kamu.
F2-305 f)	<i>Toire mo senmenjo mo tsukaenakute komachatta.</i> トイレも洗面所も使えなくてこまちゃった。 (Saya susah kerana tidak boleh menggunakan tandas dan bilik air)	Saya dalam masalah setelah saya <b>tak dapat gunakan</b> sink atau tub mandi itu.

Dalam contoh 18a, kata kerja *shitteru* 知ってる yang sepatutnya diterjemahkan sebagai **mengenali** telah diberi padanan dengan **kenal**, seterusnya yang sama berlaku dalam contoh-contoh b, c, d, e dan f seperti yang dapat di bawah:

<b>Kata kerja bahasa sumber</b>	<b>Kata kerja bahasa Melayu (padanan dalam bentuk terbitan)</b>	<b>Padanan (ringkasan)</b>
a)shitteru 知ってる	→ mengenali	→ kenal
b) kikitagatteru 聞きたがってる	→ hendak mendengar	→ nak dengar
c) sagashiteru 探してる	→ mencari	→ cari
d) tsurete ikitai 連れて行きたい	→ akan membawa	→ akan bawa
e) shiran 知らん	→ tidak mengenali	→ tak kenal
f) tsukaenakatta 使えなかった	→ tidak dapat menggunakan	→ tak dapat guna

Menurut Asmah (2008, hlm. 89-90), dalam bahasa lisan yang bersahaja, penutur bahasa Melayu cenderung menggunakan bentuk unggulan (kata kerja dasar) bagi membawa makna perbuatan, tanpa menghiraukan hakikat bahawa kata kerja berkenaan boleh diberi penambahan. Oleh kerana sari kata merupakan wacana pertuturan, maka kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam sari kata adalah dalam bentuk kata dasar supaya ia lebih bersahaja dan mudah difahami.

Sehubungan itu juga, pengkaji mendapati bahawa kata kerja bantu **hendak** dalam contoh 18 (b) dan kata nafi **tidak** dalam contoh 18 (e) dan (f) telah turut diringkaskan menjadi **nak** dan **tak**. Menurut Wan Amizah (1998, hlm. 109), penggunaan ejaan yang diringkaskan bagi bahasa lisan adalah dibenarkan, misalnya:

**Bahasa Formal**

hendak

tidak

bukan

sudah

ini / itu

tetapi

seperti

tidak mungkin

**Bahasa Lisan**

nak

tak

kan

dah

ni / tu

tapi

macam

takkan

Perkara ini turut dicadangkan dalam Bengkel Terjemahan Skrip Sari Kata dan Alih Bahasa Televisyen, Filem dan Iklan anjuran FINAS (1989). Bengkel tersebut mencadangkan perkataan seperti **sudah, telah, akan, mengenai, tentang, berkenaan, bersabit, merujuk pada, walau bagaimanapun, oleh yang demikian dan walaupun begitu** harus digugurkan.

Bentuk pasif dalam bahasa Jepun mirip bentuk kata kerja aktif, dengan penambahan */(r)are-/* pada kata dasar. Kadang kala penggunaan bentuk pasif dalam ayat aktif dalam perbualan sopan, atau menjelaskan perbuatan dalam nuansa kurang bernasib baik. Berikut adalah contoh-contoh kata kerja pasif yang dipetik daripada kedua-dua filem.

## Contoh 19

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-345	a) <i>Inaka de haha ni shikomaremashita.</i> 田舎で母に仕込まれました。 (Saya diajar ibu ketika di kampung)	Ibu saya <b>ajar</b> saya semasa di kampung.
F1-469	b) <i>A? Ikene, nakama ni okorareru.</i> あ? いけね、仲間に怒られる。 (Tak boleh ni...saya akan dimarahi kawan-kawan)	Oh tidak! Kawan-kawan akan <b>marah</b> saya
F2-28	c) <i>Sakki tannin no Kazuki ni tanomarete, ore wa kounai o annai shitekita.</i> さっき担任のかずきに、頼まで、俺は校内を案内して来た。 (Saya disuruh guru kelas untuk menunjukkan kawasan sekolah kepada Rikako)	Cikgu Kasugi <b>minta</b> saya tunjukkan kawasan sekolah.
F2-160	d) <i>Sukkari kirawarechatta mitai.</i> すっかり嫌われちゃったみたい。 (Saya macam benar-benar dibenci)	Ia kelihatan mereka <b>benci</b> pada saya.
F2-180	e) <i>Mama ni shiraretara, shikareru kara yo.</i> ママに知られたら、叱れるからよ。 (Sekiranya emak dapat tahu, saya akan dimarahi)	Kalau ibu saya <b>dapat tahu</b> , dia <b>akan marah</b> .

Sementara kata kerja bentuk pasif dalam bahasa Melayu biasanya diberi awalan {di~}.

Dari segi makna, kita boleh katakan bahawa awalan {di-} membawa makna pasif, yakni

**kena** (Asmah, 2008, hlm. 95-96). Pada amnya, kata kerja dengan awalan {me-} boleh

mempunyai lawannya dengan kata kerja yang mengandungi awalan {di-} dengan syarat

kata dasarnya merupakan kata kerja transitif. Dalam contoh 19 (a, b, c, d dan e),

pengkaji mendapati bahawa semasa melakukan terjemahan, penyari kata telah menukar

kata kerja bentuk pasif kepada bentuk lawannya, iaitu kata kerja dengan awalan {me-}.

Ini kerana menurut Nik Safiah et al. (1993, hlm. 37), penggunaan ragam pasif adalah

pada situasi yang agak formal. Ia membayangkan jarak formaliti antara pihak yang menghasilkan bahasa dengan pihak yang menerimanya. Penyari kata seterusnya telah **meringkaskan** kata kerja tersebut kepada kata dasar supaya ia menjadi bahasa lisan.

<b>Kata kerja bahasa sumber (pasif)</b>		<b>Padanan (pasif)</b>		<b>Padanan (aktif)</b>		<b>Padanan (ringkasan)</b>
shikomare mashita 仕込まれました	→	diajar	→	mengajar	→	ajar
okorareru 怒られる	→	dimarahi	→	memarahi	→	marah
tanomareta 頼まれた	→	diminta	→	meminta	→	minta
kirawarechatta 嫌われちゃった	→	dibenci	→	membenci	→	benci
shikareru 叱れる	→	dimarahi	→	memarahi	→	akan marah

### 8.1.6 Peniruan

Menurut Gottlieb (1992, hlm. 167), strategi terjemahan cara ini sesuai digunakan untuk menterjemah kata nama khas dan ungkapan atau perilaku menyapa yang bersifat universal. Misalnya, ungkapan seperti **selamat pagi** yang disebut sebagai *ohayoo gozaimasu* dalam bahasa Jepun dan *Good Morning* dalam bahasa Inggeris merupakan sesuatu yang universal kerana ungkapan terdapat dalam kebanyakan bahasa dan dipraktikkan oleh seluruh masyarakat dunia. Berikut adalah beberapa contoh penyari kata telah menggunakan strategi **peniruan** untuk menterjemah kata kerja-kata kerja tersebut:



## Contoh 20

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-66	a) <b><i>Ki o tsukete.</i></b> 気をつけて (Berhati-hati)	<b>Berhati-hati.</b>
F1-68	b) <b><i>Itte kimasu.</i></b> 行って来ます (Saya pergi dulu)	<b>Saya pergi</b> ke sini.
F2-318	c) <b><i>Ki ni sento, tanoshinde ki ya.</i></b> 気にせんと、楽しんできや (Jangan bimbang, berseronoklah..)	Jangan bimbang pada itu. <b>Nikmati sendiri.</b>

Dalam contoh 20a, ucapan *ki o tsukete* 気をつけて yang diucapkan oleh ibu Kiki kepadanya sebagai pesanan sebelum dia berangkat menjalani latihan sebagai ahli sihir. Ucapan sebegini juga turut menjadi amalan dalam masyarakat Melayu. Ucapan **berhati-hati** lazim diberikan kepada mereka yang akan berangkat ke sesuatu tempat. Begitu juga dengan ucapan *itte kimasu* 行って来ます dalam contoh 20b dan *tanoshinde kudasai* 楽しんでください dalam contoh 20c yang merupakan ucapan lazim dalam masyarakat bahasa sasaran. Dalam bahasa Melayu, ucapan **saya pergi dulu** atau **saya berangkat dulu** adalah bersesuaian untuk dipadankan dengan ucapan *itte kimasu* 行って来ます yang diucapkan oleh Kiki semasa berangkat untuk memulakan pengembaraannya. Walau bagaimanapun, pemilihan **nikmati sendiri** untuk padanan kepada *tanoshinde kudasai* 楽しんでください (*tanoshinde ki ya* 楽しんできや adalah penggunaan dalam bahasa daerah) adalah tidak bersesuaian kerana *tanoshimu* 楽しむ (bentuk kamus) membawa maksud **bergembira** atau **berseronok** (Merriam-Webster's Japanese-English Learner's Dictionary, 1993, hlmnn. 918). Tambahan pula, ia merupakan ucapan yang diberikan oleh Morisaki kepada Rikako apabila melihat Rikako begitu gembira untuk keluar bertemu rakannya. Justeru itu, pengkaji

mencadangkan **bergembiralah** atau **pergilah bergembira** sebagai padanan yang lebih bersesuaian.

Sementara itu, terdapat juga ungkapan kata kerja yang berjaya diterjemahkan tetapi ternyata kata kerja ini jarang berlaku dalam masyarakat bahasa sasaran (BM). Ia merupakan amalan biasa dalam masyarakat bahasa sumber (BJ) seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

		<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-69	d)	<b>Ganbatte</b> 頑張って (Berusahalah)	Pergi!
F1-632	e)	<b>Ganbare</b> 頑張れ (Berusaha)	Cuba dengan sukarnya
F2-124	f)	<b>Geshuku shichuu ga ka</b> 下宿しちゅうがか (Tinggal bersendirian)	Oh, dia <b>tinggal dengan sendirinya</b>
F2-337	g)	<i>Douse kotchi de juken surun da kara,</i> どうせこっちで受検するんだから、 (Bagaimanapun, peperiksaan kemasukan university akan di ambil di sini)	Kalau kamu bawa <b>ujian untuk universiti</b> di Tokyo.

Ucapan *ganbatte* 頑張って atau *ganbare* 頑張れ (perkataan yang sama dalam dua bentuk yang berlainan) dalam contoh 20d dan 20e merupakan ucapan kata-kata semangat yang digunakan oleh masyarakat Jepun untuk memberi perangsang kepada seseorang atau kumpulan supaya melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Sekiranya diterjemahkan secara literal, ia bermaksud **berusahalah**. Namun kedua-dua kata kerja ini tidak sesuai untuk diberikan padanan dengan ucapan **berusahalah** kerana ia agak jarang digunakan dalam masyarakat

bahasa sasaran. Dalam masyarakat Melayu kata-kata semangat diucapkan dengan menyatakan harapan dan mendoakan kejayaan seseorang atau kumpulan itu. Ucapan yang selalu digunakan ialah **semoga berjaya**. Justeru itu, pengkaji mencadangkan padanan **semoga berjaya** kepada kedua-dua kata kerja *ganbatte* dan *ganbare* supaya ia difahami dan sejadi dengan dunia masyarakat bahasa sasaran.

Kata kerja *geshuku shichuu* 下宿しちゅう (*geshuku shite iru* 下宿している) dalam contoh 20f merupakan kata kerja yang membawa maksud menyewa bilik sebagai tempat tinggal. Dalam masyarakat Jepun perbuatan *geshuku suru* 下宿する ini lazimnya dilakukan oleh pelajar yang menyewa bilik untuk tinggal bersendirian kerana keluarga yang tinggal berjauhan dari tempat belajar. Kebiasaannya juga, bilik-bilik ini dibina daripada kayu (Merriam–Webster’s Japanese-English Learner’s Dictionary, 1993, hlm. 198). Perlakuan begini tidak berlaku di Malaysia kerana pada kebiasaannya, para pelajar yang datang dari jauh akan disediakan asrama-asrama untuk mereka. Justeru itu, kata kerja ini telah diberi padanan dengan **tinggal dengan sendirinya**. Walau bagaimanapun, pengkaji merasakan padanan yang diberikan agak berlebihan dan mencadangkan **tinggal bersendirian** sebagai padanan yang lebih mudah difahami.

Kata kerja *juken suru* 受験する juga merupakan perlakuan yang tidak berlaku di Malaysia. *Juken suru* 受験する bermaksud mengambil peperiksaan untuk melayakkan diri memasuki sesebuah universiti (Merriam–Webster’s Japanese-English Learner’s Dictionary, 1993, hlm. 352). Berbeza dengan sistem pendidikan di Malaysia, pelajar yang ingin menyambung pelajaran di sesebuah universiti di Jepun, perlu menduduki peperiksaan kemasukan yang disediakan oleh universiti tersebut. Olehkerana penyari kata telah memberikan padanan **ujian untuk universiti** kepada kata kerja *juken suru* 受

験する, pengkaji ingin mencadangkan **peperiksaan kemasukan universiti** memandangkan perkataan **peperiksaan** adalah lebih sesuai berbanding perkataan **ujian** kerana peperiksaan adalah lebih penting dan besar berbanding ujian.

### 8.1.7 Pengguguran

Strategi pengguguran menurut Gottlieb (1992) digunakan terutama bagi ujaran-ujaran yang pantas dan tidak penting. Ujaran-ujaran ini walaupun tidak diterjemahkan tidak akan menjejaskan jalan cerita dan masih boleh difahami oleh penonton.

#### Contoh 21

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-183 a)	<i>Sora tobu takkyuubin tte wake ne..Kangaeta ne.</i> 空飛ぶ俺急便ってわけね。 考えたね。 (Perkhidmatan penghantaran di udara...terfikir juga kamu)	Perkhidmatan hantaran terbang.
F1-313 b)	<i>Oazukari shimasu.</i> お預かりします (Saya menjaganya dengan baik)	Okay.
F1-595 c)	<i>Hikousen ga nagasarete imasu.</i> 飛行船が流されています (Belon panas terbang melayang-layang)	-
F2-144 d)	<i>Ano ne. Motte kita zensaisan otoshichatta mitai na no yo.</i> あのね。持ってきた全財産 落としちゃったみたいなのよ (Nampaknya semua barangan berharga saya telah hilang)	Baik...uhh. Ia kelihatan saya telah hilangkan semua dari wang saya.
F2-213 e)	<i>Hawai de kane otoshita ki kashite kure iichottan wa, minna uso ja.</i> ハワイで金落としたき貸してくれ言いちよったんわ、みんな嘘じゃ。 (Hal awak pinjam duit daripada saya sebab hilang di Hawaii tu..bohong belaka?)	Tipuan itu dia hilang wang dia di Hawaii.

Dalam contoh 21a, *kangaeta ne* 考えたね yang bermaksud **terfikir ya kamu** yang diucapkan oleh Osono apabila mendengar rancangan Kiki untuk membuka kedai khidmat penghantaran. *Kangaeta ne* 考えたね disebut oleh Osono selepas menyebut *Sora tobu takkyuubin tte wake ne* 空飛ぶ宅急便ってわけね(perkhidmatan hantaran terbang ye) yang merupakan intipati utama perbincangannya dengan Kiki. Ia hanyalah rentetan perasaan gembira Osono terhadap rancangan Kiki. Intonasi suara Osono ketika menyebut *kangaeta ne* 考えたね membayangkan perasaan kagum dan bangganya terhadap Kiki yang boleh berfikir sejauh itu. Walaupun tidak diterjemahkan, kegembiraan Osono masih boleh dilihat pada wajah Osono yang dipaparkan pada skrin.

Perkara sama juga yang berlaku pada contoh 21b dan 21c, iaitu *Oazukarishimasu* お預かりします yang bermaksud **saya terima dan akan bertanggungjawab terhadapnya** hanya diterjemah dengan jawapan **okay** sahaja. Ini kerana dalam tayangan video telah dipaparkan perlakuan Kiki menerima barangan itu daripada pelanggan dan bersedia untuk menghantarnya. Sementara kata kerja *nagasarete imasu* 流されています pula menceritakan tentang pergerakan kapal terbang belon panas yang sedang terapung di udara akibat ditiup angin. Penonton dapat melihat dan memahami situasi ini melalui paparan skrin juga. Justeru itu, penyari kata mengambil langkah untuk tidak menterjemahkannya.

Berlainan pula dengan kata kerja *motte kita* 持ってきた dalam contoh 21d, iaitu mesej yang terkandung dalamnya boleh difahami oleh penonton secara logik. Berdasarkan konteks kajian ini, apabila sari kata berbunyi **wang saya**, seharusnya penonton sudah sedia maklum bahawa wang itu kepunyaan Kiki yang dibawanya ke Hawaii. Jadi tidak perlulah disebut lagi dalam sari kata dengan terjemahan **wang yang dibawa oleh Kiki**.

Sementara itu kata kerja *kashite kure* 貸してくれ dalam contoh 21e merupakan kata-kata ulangan, iaitu Morisaki hanya mengulangi kata-kata Rikako sebelum ini. Oleh kerana itu, ia juga telah digugurkan.

Terdapat juga strategi yang dinamakan Strategi Putus Asa dan ia digunakan apabila ungkapan atau kandungan sesuatu bahasa sumber itu tidak boleh diterjemah. Menurut Gottlieb (1992), penterjemah terpaksa menggunakan strategi ini sekiranya berhadapan dengan idiom yang sukar untuk diterjemahkan atau unsur-unsur bahasa atau budaya yang amat spesifik bagi masyarakat tersebut. Strategi ini merupakan pilihan terakhir yang digunakan oleh penterjemah apabila berhadapan dengan unsur-unsur sosio-budaya yang begitu spesifik dengan masyarakat Jepun. Strategi ini sebenarnya agak mengelirukan, kerana agak sukar untuk pengkaji membezakan sama ada penyari kata melakukan pengguguran kerana kata kerja tersebut tidak penting atau pengguguran dilakukan kerana berputus asa. Justeru itu, pengkaji telah mengkategorikan Strategi Putus Asa sebagai cabang kepada Strategi Pengguguran, atau mengambil Strategi Pengguguran kerana tidak dapat menterjemah (berputus asa).

Terdapat dua cara yang digunakan oleh penterjemah ketika menggunakan strategi ini, iaitu yang pertama ialah dengan mengabaikan unsur-unsur tersebut tanpa diterjemah seperti Contoh 22 berikut:

### **Contoh 22**

		<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F2-4	a)	Taihen <b>omatase shimashita</b> , tougouki mamonaku ririku de gozaimasu. <i>(Terima kasih kerana menunggu, sebentar lagi kapal terbang akan berlepas)</i> 大変お待たせしました、当乗機 まもなく離陸でございます	Kapal terbang ini akan menerbang nanti.

Dalam contoh 22a, pengumuman oleh pekerja keretapi memaklumkan bahawa keretapi telah sampai di terminal. Secara literal *taihen omatase shimashita* 大変お待たせしました membawa maksud **setelah membuat anda menunggu lama**. Oleh kerana tiada ungkapan yang hampir-hampir sama atau sama dalam bahasa sasaran, penyari kata telah menggugurkannya. Dalam pada itu, pengkaji mendapati penyari kata telah tersilap terjemah ayat ini kerana telah menyangka bahawa ketibaan yang dimaksudkan adalah ketibaan kapal terbang sedangkan pada hakikatnya ia merupakan ketibaan keretapi kerana Morisaki ketika itu sedang berada di terminal keretapi, bukannya lapangan terbang.

Manakala cara kedua pula ialah dengan menterjemah tanpa mengekalkan unsur makna sebenar yang terdapat dalam bahasa sumber ataupun dengan erti lain makna sebenar itu dihilangkan seperti contoh-contoh berikut:

### Contoh 22

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-589 b)	<i>Kono mae totemo osewa ni natta kara.</i> この前とてもお世話になったから。	Dia <b>tolong</b> saya dengan banyaknya
F2-264 c)	<i>Rikako no wa ga mama ni tsukiatte kurete warukatta ne.</i> 里佳子のはわがまま付き合ってくれて悪かったね。	Maafkan saya biar kamu <b>hantar</b> saya <b>balik</b> rumah Rikako

Dalam Contoh 22b, *osewa ni natta* お世話になった membawa maksud yang lebih besar berbanding kata kerja **tolong** iaitu padanan yang telah diberikan. Ucapan *osewa ni natta* お世話になった yang diucapkan oleh seorang pelanggan kepada Kiki kerana Kiki bukan sahaja telah menghantarkan bungkusan-bungkusannya dengan selamat,

malahan juga telah sanggup menolongnya membakar kek yang ingin dihantarkan kepada cucunya sehingga Kiki tidak dapat hadir ke majlis Tonbo. Ungkapan *Osewa ni natta* お世話になった hampir sama dengan kata kiasan **terhutang budi**. Hampir sama seperti dalam contoh yang sebelumnya, Contoh 22c) *wa ga mama ni tsukiatte kurete* わがママに付き合ってくれて juga membawa makna yang lebih besar berbanding padanan yang telah diberikan kerana *wa ga mama ni tsukiatte kurete* わがママに付き合ってくれて secara literalnya boleh diterjemahkan sebagai **melayan kerenhah** atau dalam kata lain **menuruti segala kemahuan seseorang yang bermacam-macam tanpa membantah**. Ungkapan *wa ga mama ni tsukiatte kurete* telah diucapkan oleh bapa Rikako kepada Morisaki kerana Morisaki bukan sahaja telah meminjamkan sejumlah wang kepada Rikako, malahan juga telah menemankan Rikako untuk pergi ke Tokyo berjumpa dengan bapanya. Ini bermakna Morisaki menuruti kehendak Rikako walaupun ia telah menyusahkan dirinya.

## 8.2 STRATEGI TERJEMAHAN BAHASA KIASAN/ IDIOMS

Dalam konteks kajian ini, terdapat banyak kata kiasan yang melibatkan penggunaan kata kerja dalam kedua-dua buah filem yang dipilih. Antaranya adalah seperti contoh-contoh berikut:

### Contoh 23

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-87 a)	<i>Mune o hatte kaereru no de ureshii wa</i> 胸を張って帰れるので嬉しいわ	Saya gembira saya dapat balik rumah <b>dengan bidadari</b>
F1-340 b)	<i>Anata ni wa muda ashi o sasete shimatta wa ne.</i> あなたには無駄足をさせてしまったわね。	Maafkan saya tentang <b>ganggu</b> kamu.



F1-538	c)	<i>Kono bijin ga me ni hairanai no kashira ne.</i> この美人が目に入らないのかしらね。	Adakah dia <b>dapat lihat</b> yang cantik berdiri di sini.
F2-44	d)	<i>Sempaitachi ni awaseru kao ga nai meiyobankai no tame ni mo.</i> 先輩達に合わせる顔がない名誉挽回のためにも。	Kami nak senior sekolah tinggi itu untuk <b>lakukan dengan baik</b> ujian kedua.
F2-162	e)	<i>Toku ni danshi ga zenzen kuchi mo kiite kurenai no.</i> 特に男子がぜんぜん口も聞いてくれないの。	Mereka <b>tak nak katakan</b> dengan saya.
F2-431	f)	<i>Kono machi hitotsu de kata ga tsuku ka ga ureshiichi.</i> この町一つで片が付くかが嬉しい。	Saya gembira kamu <b>dapat cari sesuatu</b> lagi. Dalam satu tempat ini.

---

Berdasarkan pengamatan pengkaji, kesemua bahasa kiasan dalam contoh-contoh di atas mengambil pendekatan nombor lima (5), yang dicadangkan oleh Larson (1984, pp. 17-25) iaitu menterjemah maksud bahasa kiasan tersebut tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur kiasan bahasa sumber. Walau bagaimanapun, kegagalan penyari kata dalam memilih perkataan/ungkapan yang sesuai sedikit sebanyak telah mencatatkan mesej bahasa sumber.

Dalam Contoh 23a misalnya, *mune o hatte* telah diberi padanan **dengan bidadari** yang jauh terpesong daripada maksud asal, sedangkan maksud sebenarnya ialah **penuh keyakinan**. Oleh kerana sari kata merupakan wacana pertuturan, maka pengkaji telah meringkaskannya dan mencadangkan **penuh yakin** sebagai padanan. Sementara dalam Contoh 23b, *muda ashi o sasete shimatta* pula telah diberi padanan **ganggu** yang merupakan terjemahan kurang, kerana *muda ashi o sasete shimatta* membawa maksud **kedatangan yang disia-siakan** dan dalam konteks kajian ini, pengkaji mencadangkan padanan **sia-sia (sahaja kamu) datang**.

Berikut adalah padanan sari kata yang pengkaji cadangkan berdasarkan makna setiap ungkapan daripada bahasa kiasan tersebut (dihitamkan)

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-87 a)	<i>Mune o hatte kaereru no de ureshii wa</i> 胸を張って帰れるので嬉しいわ (Saya gembira dapat balik dengan penuh yakin.)	Saya gembira saya dapat balik rumah dengan bidadari.
F1-340 b)	<i>Anata ni wa muda ashi o sasete shimatta wa ne.</i> あなたには無駄足をさせてしまったわね。 (Maafkan saya, sia-sia saja kamu datang.)	Maafkan saya tentang ganggu kamu
F1-538 c)	<i>Kono bijin ga me ni hairanai no kashira ne.</i> この美人が目に入らないのかしらね。 (Agaknya dia tak nampak si cantik ni)	Adakah dia dapat lihat yang cantik berdiri di sini.
F2-44 d)	<i>Sempaitachi ni awaseru kao ga nai meiyobankai no tame ni mo.</i> 先輩達に合わせる顔がない名誉挽回のためにも (Untuk menebus balik maruah yang menyebabkan kita berasa malu dengan senior juga)	Kami nak senior sekolah tinggi itu untuk lakukan dengan baik ujian kedua.
F2-162 e)	<i>Toku ni danshi ga zenzen kuchi mo kiite kurenai no.</i> 特に男子がぜんぜん口も聞いてくれないの (Terutamanya pelajar lelaki langsung tak mau cakap dengan saya)	Mereka tak nak katakan dengan saya.
F2-431 f)	<i>Kono machi hitotsu de kata ga tsuku ka ga ureshiichi.</i> この町一つで片が付くかが嬉しい。 (Saya gembira kerana semuanya dapat selesai hanya dalam bandar ini sahaja.)	Saya gembira kamu dapat cari sesuatu lagi. Dalam satu tempat ini

Sementara itu, dalam bahasa Jepun terdapat bahasa kiasan yang menggunakan perkataan *ki* (気) yang digunakan apabila mengekspresikan sesuatu yang melibatkan hati dan perasaan. Berikut adalah lima contoh yang pengkaji petik daripada kedua filem terpilih:

#### Contoh 24

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-159 a)	<i>Demo watashi wa anta ga ki ni itta yo.</i> でもわたしはあんたが気に入ったよ (Tetapi saya tertarik pada awak )	Tetapi saya <b>suka</b> kamu.
F1-325 b)	<i>Ara...sonna koto ki ni shiteru no?</i> あら・・・そんなこと気にしてるの? (Alah..Takkan itupun awak bimbangkan)	Kamu <b>bimbang</b> dengan itu?
F2-35 c)	<i>Yarikata ga ki ni kuwan.</i> やりかたが気に入くわん。 (Saya tidak berminat dengan cara dia)	Tetapi saya <b>tak suka</b> cara itu.
F2-362 d)	<i>Omae ki ga tsukankatta ga ka?</i> おまえ気がつかかったがか? (Kamu tak perasan kah?)	Adakah kamu <b>dapati tahu</b> ?
F2-466 e)	<i>Ikan kanzen ni ki o ushinochuu.</i> いかん・・・完全に気を失のちゅう (Tak boleh jadini..saya benar-benar rasa tidak seronok)	Oh tidak, dia <b>telah pergi</b> .

Sama seperti dalam Contoh 23, bahasa kiasan yang menggunakan perkataan *ki* telah diterjemahkan oleh penyari kata menggunakan strategi kedua, iaitu menterjemah maksud bahasa kiasan tersebut tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur kiasan bahasa sumber.

- |     |                             |   |  |
|-----|-----------------------------|---|--|
| (a) | <i>ki ni itta</i>           | → | suka   |
| (b) | <i>ki ni shiteru</i>        | → | peduli                                       |
| (c) | <i>ki ni kuwan</i>          | → | tak suka                                     |
| (d) | <i>ki ga tsukankatta</i>    | → | dapati tahu<br>(tak perasan)                 |
| (f) | <i>ki o<br/>ushinochuu.</i> | → | telah pergi<br>(rasa tak seronok/tawar hati) |

Apa yang dapat dilihat di atas, kesemua ungkapan-ungkapan ini telah diberi padanan dengan kata sifat, atau dengan lebih tepat lagi, kata sifat yang berkait dengan perasaan kerana perkataan *ki* (気) itu sendiri membawa maksud semangat, fikiran dan jiwa (*semangat, fikiran dan roh*). Ungkapan dalam kurungan merupakan padanan yang dicadangkan oleh pengkaji kerana padanan yang diberi oleh penyari kata dirasakan kurang tepat.

### 8.3 KESIMPULAN

Penyarikataan merupakan proses penterjemahan daripada bahasa lisan kepada teks bertulis, berbeza daripada penterjemahan sastera (teks tulisan bahasa sumber kepada teks tulisan. bahasa sasaran). Tambahan pula dengan limitasi teknikal sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Luyken (1991, p. 42), penyarikataan merupakan penterjemahan yang dikekangi oleh masa dan ruang dan juga disebabkan oleh tabii sesebuah karya televisyen dan produksi filem. Penterjemahan daripada teks lisan kepada teks bertulis bukanlah suatu proses yang mudah kerana banyak kesulitan yang harus ditempuhi. Misalnya, kesulitan untuk mendapatkan teks yang mudah dibaca dan difahami pada tahap maksima atau kesulitan untuk mendapatkan teks yang tidak terlalu sesak untuk paparan pada skrin televisyen atau filem.

Justeru itu, sebagai seorang penyari kata, mereka haruslah sentiasa ingat dengan limitasi sebegini bagi mengelakkan tertinggal. Dalam masa yang sama, penyari kata juga tidak harus lupa kepada perkara-perkara yang berhubungan dengan bahasa dan budaya dalam usaha mereka untuk menyampaikan atau memindahkan informasi kepada penonton sasaran. Yang dapat dilihat adalah faktor teknologi dalam penyarikataan, sama sekali tidak akan menukarkan dasar penterjemahan, sebaliknya akan memperkayakan lagi bidang ini. Maka dalam penterjemahan sari kata, penyari kata bukan sahaja mengambil kira faktor linguistik dan budaya sebagaimana penterjemahan biasa, tetapi juga faktor limitasi teknikal yang berbeza.